

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**
- DARIPADA** : **Y.B DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**
- TARIKH** : **DALAM TEMPOH BERSIDANG**
- SOALAN** : **Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci pelan penyusunan dan pembentukan Perpaduan Nasional secara holistik yang disusun oleh Kerajaan.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Idea untuk menyusun semula Pelan Penyatuan Nasional telah disarankan oleh YAB Perdana Menteri selepas pilihanraya Umum Kali ke-13 yang lalu. Pelan ini perlu menggariskan langkah-langkah yang lebih strategik, inklusif dan holistik di dalam mengurus isu-isu perpaduan nasional.

Susulan dari itu, kerajaan telah menubuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang merupakan sebuah badan bebas yang menjadi platform untuk membincangkan isu-isu perpaduan dan cara penyelesaiannya.

Di dalam proses menyusun dan menyediakan pelan ini, MKPN telah menentukan bidang-bidang tertentu untuk diteliti dan dikaji supaya pelan yang akan disediakan itu kelak benar-

benar menepati semua aspek yang meliputi kehendak dan aspirasi masyarakat. Bidang-bidang berkenaan termasuklah:

- i. Perundangan dan Dasar-Dasar Mempromosikan Keharmonian Negara;
- ii. Membina Bangsa dan Persefahaman Silang Budaya;
- iii. Pembangunan Inklusif;
- iv. Belia dan Perpaduan; dan
- v. Integrasi Nasional

Untuk memperoleh input yang benar-benar menyeluruh, badan ini turut mengadakan 18 siri dialog di seluruh Negara yang disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat di akar umbi, perjumpaan muhibbah dengan badan-badan berkepentingan, NGO dan parti-parti politik. Akhirnya, semua input yang diperolehi ini akan dianalisa dan diterjemahkan dalam bentuk Pelan Tindakan Perpaduan Nasional (*National Unity Blue Print*).